

Teliti semula strategi pacu perubahan pasaran buruh

BH- 9/9/2021 m/s: 2

“Bagi meningkatkan peluang supaya rakyat kekal produktif dan berupaya menjana pendapatan, kerajaan sudah serta akan terus menyediakan bantuan sewajarnya”



Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri

buat pertama, rakyat Malaysia cuba untuk meneruskan kehidupan bersandarkan norma baharu.

“Ingatlah bahawa kesusahan tidak akan berpanjangan, tetapi individu yang kuat akan terus cecal,” katanya.

Pembabitan semua pihak penting wujudkan perlindungan keselamatan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beberapa pendekatan jangka pendek dan panjang perlu dirangka bagi memacu perubahan pasaran buruh.

Perdana Menteri berkata, usa-

ha merintis perkembangan pasaran buruh supaya aktif dan terangkum harus meliputi langkah meneliti semula strategi sedia ada.

Katanya, percaturan sedemikian penting kerana strategi ialah ‘nadi’ di sebalik sebarang inisiatif yang berupaya mewujudkan perlindungan keselamatan sosial.

“Justeru, amat penting untuk aktiviti seperti bantuan mencari pekerjaan, pengurusan kurang upaya, program keusahawanan, pendidikan vokasional dan latihan dikembangkan serta diperluaskan ke segenap golongan sasaran.

“Pembabitan setiap peringkat komuniti, termasuk majikan, pekerja dan pencari kerjaya, graduan serta belia adalah amat diperlukan ketika kita mengha-

rungi krisis kesihatan yang tidak pernah dialami sebelum ini.

“Oleh itu, setiap pihak harus memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing serta berada dalam kebersamaan,” katanya ketika menyampaikan ucapan penutup Forum Pekerjaan Awam Antarabangsa 2021 yang berlangsung secara maya, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan.

Yang turut hadir, Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Ismail Sabri berkata, ‘Keluarga Malaysia’ adalah cerminan kepada semangat negara ini untuk terus memberikan penekanan

terhadap agenda pembangunan nasional dan memastikan kebajikan rakyat.

“Bagi meningkatkan peluang supaya rakyat kekal produktif dan berupaya menjana pendapatan, kerajaan sudah serta akan terus menyediakan bantuan sewajarnya.

“Ia antara lain merangkumi aspek kewangan, peluang pekerjaan atau insentif latihan untuk memastikan tiada yang tercicir apabila kita merangka pelan pasca krisis secara selamat.

“Saya bertekad bahawa usaha pemulihan negara daripada pandemik COVID-19 akan meliputi segenap aspek dan dibuat secara terangkum.

“COVID-19 memberikan pengajaran yang amat bermakna kepada kita semua, justeru kali